



**KENYATAAN AKHBAR  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA  
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI  
MALAYSIA**

(Bagi Minggu 48/2017 dari 26 November hingga 2 Disember 2017)

Bagi menghalang kejadian kes Denggi meningkat pada penghujung tahun seperti tahun sebelum ini, kebersihan persekitaran adalah menjadi keutamaan semua masyarakat. Ketiadaan tempat nyamuk untuk membiak boleh mengurangkan populasi nyamuk Aedes seterusnya mengurangkan penyebaran virus Denggi. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga dipohon untuk meningkatkan aktiviti pencegahan dan kawalan Denggi serta memastikan kutipan sampah dilakukan sekurang-kurangnya tiga kali seminggu di kawasan pengurusan mereka. Penglibatan komuniti untuk menjalankan aktiviti ‘cari dan musnah’ tempat pembiakan Aedes setiap minggu akan dapat meningkatkan kebersihan persekitaran di tempat mereka.

Pada minggu ke 48 iaitu dari 26 November hingga 2 Disember 2017, kes Denggi terus menunjukkan penurunan. Pengurangan sebanyak 129 kes (13.4%) dicatatkan di mana 832 kes Demam Denggi telah dilaporkan pada tempoh tersebut berbanding 961 kes direkodkan pada minggu sebelumnya. Jumlah kumulatif kes Demam Denggi sehingga 2 Disember 2017 adalah sebanyak 79,855 kes berbanding 95,665 kes pada tahun 2017, penyusutan sebanyak 15,810 kes (16.5%).

Bagi tempoh yang sama, jumlah keseluruhan kematian Demam Denggi di Malaysia juga turut menunjukkan pengurangan sebanyak 55 kematian (24.7%) di mana 168 kematian telah direkodkan pada tahun ini berbanding

223 kematian pada tahun 2016. Empat (4) kematian telah dilaporkan sepanjang 26 November hingga 2 Disember 2017.

Terdapat sebanyak 262 lokaliti wabak Demam Denggi yang masih aktif sehingga 2 Disember 2017. Selain itu, 20 lokaliti *hotspot* semasa yang direkodkan melibatkan lima (5) buah negeri iaitu di Selangor 16 lokaliti dan masing-masing satu (1) lokaliti di Pulau Pinang, WPKL & Putrajaya, Johor serta Sabah. Jumlah lokaliti wabak semasa berkurang 16 lokaliti (5.8%) dan satu (1) lokaliti (4%) untuk *hotspot* berbanding minggu sebelumnya. Prestasi ini perlu dikekalkan serta ditambahbaik supaya hasrat Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mewujudkan negara bebas Denggi dapat direalisasikan.

Tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Program “Gotong Royong Mega Bersepadu Perangi Aedes Siri 2” yang juga dijalankan secara serentak di seluruh negara pada 2 Disember 2017. Objektif utama program ini adalah untuk mengekalkan prestasi penurunan kes Denggi yang bermula sejak pertengahan bulan Ogos tahun ini. Denggi tidak boleh ditangani oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sahaja. Komitmen dan kerjasama terutamanya daripada masyarakat setempat, agensi kerajaan lain, syarikat swasta dan badan-badan bukan kerajaan amatlah penting bagi menjayakan agenda ini. Aktiviti gotong-royong kali ini adalah salah satu contoh komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh kerajaan dan masyarakat serta agensi yang terlibat bagi membendung Denggi.

Kementerian Kesihatan Malaysia telah menerima sebanyak satu (1) kes Chikungunya dari Kota Bharu, Kelantan. Jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari 1 Januari hingga 2 Disember 2017 adalah sebanyak 268 kes iaitu 190 kes dari Kedah, 33 kes dari Selangor, 24 kes dari Johor, 17 kes dari Kelantan dan masing-masing dua (2) kes dari Perak dan Sarawak. Survelan berterusan untuk mengesan jangkitan Zika masih dilakukan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan juga Institut Penyelidikan

Perubatan (IMR). Dari 1 Januari 2017 sehingga 2 Disember 2017 sebanyak 2,083 sampel darah dan 33 sampel air kencing telah diuji dan tiada jangkitan virus Zika yang dikesan setakat ini.

**Tiada Aedes, Tiada Denggi, Zika dan Chikungunya**



**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**6 Disember 2017**

**Lampiran A**

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 48/2017**  
**(26 November hingga 2 Disember 2017)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 48/2017	Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 48/2016		
		Minggu 48 (26 Nov – 2 Dis 2017)		Minggu 47 (19 – 25 Nov 2017)					
		Kes	Kes	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	2	0	2	0	174	0	178	3
2	Kedah	18	0	15	0	1,372	5	924	4
3	P. Pinang	37	0	71	0	2,441	13	2,429	12
4	Perak	46	0	39	0	5,221	11	3,472	10
5	Selangor	418	2	454	1	43,271	63	48,910	75
6	WP KL & Putrajaya	70	0	96	0	8,008	19	8,181	19
7	N. Sembilan	20	0	19	0	2,968	11	2,607	24
8	Melaka	21	0	12	0	1,367	1	2,128	7
9	Johor	110	0	125	0	7,435	24	10,246	22
10	Pahang	14	0	23	0	1,615	6	2,833	9
11	Terengganu	3	0	2	0	278	1	1,972	19
12	Kelantan	14	0	26	0	2,455	2	5,742	10
13	Sarawak	8	0	13	0	916	4	2,593	7
14	Sabah	48	2	64	0	2,247	8	3,437	2
15	WP Labuan	3	0	0	0	87	0	13	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>832</b>	<b>4</b>	<b>961</b>	<b>1</b>	<b>79,855</b>	<b>168</b>	<b>95,665</b>	<b>223</b>

\* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**Lampiran B****LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 48/2017  
(26 November hingga 2 Disember 2017)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 2 (Jln 18/8-18/28 & Flat)	25	104
2	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bukit Permai 1-5 Taman Bukit Permai	19	85
3	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 8 Metropolitan Square Condo	6	51
4	SELANGOR	Klang	Pandamaran (Flat Suria Pendamar)	17	44
5	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Jenaris 2-5 Taman Sri Jenaris	7	44
6	SELANGOR	Gombak	Kg Selayang Indah Zon A	7	41
7	P PINANG	Timur Laut	Apartment Sri Nibong	16	41
8	WPKL	Cheras	Ppr Raya Permai	8	40
9	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana (South City Condo)	7	39
10	SELANGOR	Petaling	Seksyen 6 ( Teres A : Jln 6/1a - 6/2f & 6/9a - 6/10a )	9	38
11	SELANGOR	Hulu Selangor	Kg Seri Serendah	15	36
12	SELANGOR	Petaling	Seksyen 26 ( Flat Pprt : Blok A, B, C )	6	34
13	SELANGOR	Gombak	Kg Selayang Indah Zon B	9	34

14	JOHOR	Johor Bharu	Ilp Pasir Gudang	6	33
15	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Gombak Fasa 4	5	31
16	SELANGOR	Hulu Langat	Kem Pga Semenyih	6	31
17	SELANGOR	Petaling	Kt Seksyen 20 Teres A	4	31
18	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 7 : Teres	12	31
19	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 8 Apt Kelana Impian	8	31
20	SABAH	Putatan	Taman Jumbo Ph: 1	8	31